

08 NOV 2002

Najib-Kerahan

MESYUARAT PERTAMA J/KUASA MENGENAI KERAHAN TENAGA PADA SELASA

KUALA LUMPUR, 8 Nov (Bernama) -- Jawatankuasa khas kabinet bagi meneliti segala aspek pelaksanaan kerahan tenaga akan mengadakan mesyuarat pertamanya Selasa depan.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata mesyuarat itu akan meneliti cadangan dan pandangan pelbagai pihak mengenai keputusan kabinet melaksanakan kerahan tenaga itu.

"Selepas itu kita akan menjadualkan pertemuan dengan beberapa pertubuhan, persatuan, NGO dan parti politik," katanya ketika ditemui selepas mewakili Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan majlis Nur Ramadan anjuran Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan, sebagai naib presiden Umno, di sini hari ini.

Najib yang juga pengerusi jawatankuasa khas kabinet itu berkata perjumpaan dengan Majlis Belia Malaysia bagi membincangkan perkara yang sama, dijadualkan Khamis depan.

Kabinet minggu lepas bersetuju melaksanakan kerahan tenaga cara Malaysia bagi memupuk semangat patriotisme di kalangan rakyat berbilang kaum di negara ini.

Berikutan itu kabinet menubuhkan sebuah jawatankuasa khas dipengerusikan Najib dan turut dianggotai Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Ting, Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Anggota lain jawatankuasa itu ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim dan Tan Sri Benard Dompok, Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad, Timbalan Menteri Pertahanan Datuk Mohamed Shafie Apdal dan Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Zainal Abidin Zin.

Cadangan melaksanakan kerahan itu disuarakan aktivis sosial Tan Sri Lee Lam Thye dan anggota Parlimen Gelang Patah, Chang See Ten pada sesi dialog Kongres Patriotisme Negara di Bangi, bulan lepas.

Antara yang akan diberi tumpuan oleh jawatankuasa khas kabinet itu ialah kemudahan asas, peralatan, tempoh perkhidmatan, imbuhan, perundangan dan kejurulatihan.

-- BERNAMA

RZS RZS RON